



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 28 JANUARI 2025**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	PERKARANGAN KPKM JADI LOKASI BAHARU HIMPUNAN 1,000 PESAWAH, BULETIN TV3 -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	MEMORANDUM PESAWAH: MAT SABU AKAN TURUN PADANG, MALAYSIA GAZETTE -ONLINE	
3.	10 WAKIL PESAWAH SERAH MEMORANDUM KEPADA PMO, ASTRO AWANI -ONLINE	
4.	AHLI PESAWAH TETAP BERKUMPUL DI SEBALIK NASIHAT PM TANGGUH PERHIMPUNAN, FREE MALAYSIA TODAY -ONLINE	
5.	PESAWAH ADAKAN DEMONSTRASI AMAN DI WISMA TANI, MALAYSIA GAZETTE -ONLINE	
6.	PESAWAH DESAK KERAJAAN NAIKKAN HARGA LANTAI PADI, MALAYSIA GAZETTE -ONLINE	
7.	PESAWAH TUNTUT NAIKKAN HARGA LANTAI PADI, NASIONAL, BH -7	
8.	MENTERI BERI JAMINAN SELESAI ISU PADI, NEGARA, KOSMO -8	
9.	PMO SETUJU BINCANG DUA TUNTUTAN PESAWAH, NEGARA, KOSMO -8	
10.	PESAWAH KEMUKA TUNTUTAN NAIK HARGA LANTAI PADI KEPADA PERDANA MENTERI, DALAM NEGERI, UM -6	
11.	HARGA BELI PADI: PESAWAH HANYA DAPAT RM21 SEHARI, DALAM NEGERI, UM -6	
12.	NAIK HARGA LANTAI PADI RM1.8k, LOKAL, HM -13	
13.	PESAWAH KEMUKA DUA USUL KEPADA PM, NASIONAL, SH -8	
14.	MINISTRY TO LOOK INTO PADI FARMERS' CALL, NATION, NST -13	
15.	PADI FARMERS HAND MEMO TO PMO, NATION, THE STAR -10	
16.	DVS TERIMA 2,610 ADUAN BERKAITAN KEBAJIKAN KUCING, LOKAL, HM -3	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
17.	MAQIS PATAHKAN CUBAAN BAWA MASUK 120kg GAMAT MENTAH DARI SINGAPURA, MALAYSIA GAZETTE -ONLINE	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
18.	CUBAAN SELUDUP MASUK 120kg GAMAT MENTAH GAGAL, BERITA RTM -ONLINE	
19.	MAQIS RAMPAS 120 KILOGRAM GAMAT MENTAH DARI SINGAPURA, ISKANDAR PUTERI, SH -29	
20.	SELUDUP 120kg GAMAT NAIK MAZDA, NEGARA, KOSMO -16	
21.	PENTERNAK KERANG RUGI RM500,000 ISU PERBAHARUI TOL, DALAM NEGERI, UM -35	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
22.	APLIKASI PANTAU OPERASI LADANG, TEKNO, KOSMO -19	LAIN-LAIN
23.	URUS LADANG DI HUJUNG JARI, KURANGKAN TENAGA KERJA, NEGARA, KOSMO -20 & 21	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/1/2025	BULLETIN TV3	ONLINE	

Pekarangan KPKM jadi lokasi baharu himpunan 1,000 PeSAWAH



PUTRAJAYA: Perhimpunan lebih 1,000 pesawah dari seluruh negara yang dijadualkan di sini hari ini, akan diteruskan ke lokasi baharu di pekarangan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) susulan lawatan rasmi Presiden Indonesia, Prabowo Subianto ke Malaysia.

Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (PeSAWAH) dalam kenyataan memaklumkan, pihaknya kesal kerana lawatan itu tidak dimaklumkan kepada mereka sedangkan urusan surat menyurat dan makluman berkenaan kunjungan PeSAWAH sudah lama dikemukakan.

“PeSAWAH tidak datang untuk membuat huru hara lebih-lebih lagi ketika kedatangan tetamu negara.

“Oleh itu, lokasi kunjungan dan sidang media PeSAWAH diubah ke Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan pada tarikh dan waktu yang sama,” katanya.

Semalam, Polis Diraja Malaysia (PDRM) memohon penyerahan memorandum membabitkan lebih 1,000 pesawah di Putrajaya ditunda ke tarikh lain susulan lawatan Presiden Prabowo Subianto ke negara ini.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Razarudin Husain dilaporkan berkata, pihaknya menghormati hasrat pesawat terbabit bagi mengunjungi Pejabat Perdana Menteri (PMO), namun tarikh berkenaan bertindih dengan lawatan pemimpin Indonesia itu.

Selain itu, Datuk Seri Anwar Ibrahim turut menasihatkan pesawah yang hendak berhimpun di Putrajaya hari ini bagi menyerahkan memorandum supaya menangguhkannya ke suatu masa yang sesuai.

Perdana Menteri menegaskan kerajaan tidak menghalang mereka untuk berhimpun sebaliknya menjelaskan ia tidak sesuai dilakukan ketika Lawatan Negara, Presiden Indonesia, Prabowo Subianto.

Prabowo mengadakan Lawatan Negara ke Malaysia hari ini, atas undangan Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim.

Mengulas lanjut, [PeSAWAH berkata, 10 wakil negeri pertubuhan itu akan tetap ke PMO untuk penyerahan memorandum dengan kawalan polis.](#)

Media sebelum ini melaporkan pesawah dari seluruh negara akan berkumpul di pekarangan PMO di sini, bagi menghantar memorandum kepada Perdana Menteri.

Perkara itu dimaklumkan Pengerusi Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (PeSAWAH), Abdul Rashid Yob.

Abdul Rashid berkata, antara perkara yang dibawa kepada perhatian Perdana Menteri berkenaan tuntutan pesawah yang mahukan harga lantai belian padi dinaikkan kepada RM1,800 untuk satu tan metrik.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/1/2025	MALAYSIA GAZETTE	ONLINE	

Memorandum PeSAWAH: Mat Sabu akan turun padang



Mohamad Sabu

PUTRAJAYA – Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu memberikan jaminan akan menggerakkan libat urus berkaitan tuntutan Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysai (PeSAWAH) yang dibuat di pekarangan kementeriannya, hari ini.

Mohamad berkata, beliau akan mengadakan pertemuan bersama Lembaga Kemajuan Pertanian

Kemubu (KADA) dan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA).

“Berkenaan memorandum (PeSAWAH) ke PM, saya sebagai menteri akan ambik tanggungjawab turun ke KADA, MADA dan tempat-tempat lain yang berkaitan.

“Saya akan mengadakan libat urus berterusan dengan penanam padi,” katanya menerusi pesanan aplikasi WhatsApp kepada media, hari ini.

Khalid Abdul Samad adalah Pengerusi KADA manakala Datuk Dr Ismail Salleh adalah Pengerusi MADA.

Terdahulu, kumpulan itu membuat dua tuntutan untuk dipertimbang kerajaan termasuk menaikkan harga lantai padi daripada RM1,300 setan kepada RM1,800.

Menurut pengkerusinya Abdul Rashid Yob, tuntutan itu disenarai PeSAWAH melalui memorandum yang diserahkan ke Pejabat Perdana Menteri (PMO) dan Kementerian Pertanian dan Kerjaminan Makanan (KPKM) hari ini, dengan satu lagi isu membabitkan bantahan terhadap Rang Undang-Undang (RUU) Kualiti Benih Tanaman.

Abdul Rashid berkata, harga lantai ketika ini sudah tidak relevan berikutan kenaikan kos operasi berkaitan diesel dan benih padi.

Mengenai RUU Kualiti Benih Tanaman yang berkemungkinan dibentangkan di Parlimen dalam sesi akan datang, katanya, ia dibuat tanpa sebarang perundingan dengan petani.

Beliau turut memaklumkan perdana menteri juga akan melakukan perbincangan khas bersama pihak kementerian terlibat. – MalaysiaGazette

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/1/2025	ASTRO AWANI	ONLINE	

10 wakil peSAWAH serah memorandum kepada PMO



Sepuluh wakil PeSAWAH menyerahkan memorandum di Pejabat Perdana Menteri, meminta kenaikan harga lantai padi dari RM1300 ke RM1800 per tan untuk kelangsungan hidup pesawah dan jaminan bekalan makanan negara. - Astro AWANI

PUTRAJAYA: Seramai 10 wakil daripada Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (PeSAWAH) menyerahkan memorandum di Pejabat Perdana Menteri (PMO) hari ini, meminta Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim menaikkan

harga lantai padai daripada RM1,300 per tan kepada RM1,800.

Ringkasan AI

- *Memorandum PeSAWAH: Sepuluh wakil PeSAWAH menyerahkan memorandum di Pejabat Perdana Menteri, meminta kenaikan harga lantai padi dari RM1300 ke RM1800 per tan untuk kelangsungan hidup pesawah dan jaminan bekalan makanan negara.*
- *Bantahan RUU Kualiti Benih Tanaman: PeSAWAH membantah RUU yang mewajibkan lesen dan ujian makmal untuk benih tanaman, yang dianggap membebankan petani kecil.*
- *Perhimpunan dan Kawalan: Penyerahan memorandum berlangsung dengan kawalan PDRM dan diteruskan di pekarangan KPKM. Perdana Menteri menasihatkan pesawah menunda perhimpunan kerana lawatan Presiden Indonesia.*

Pengerusi PeSAWAH, Abdul Rashid Yob dalam satu kenyataan berkata kenaikan harga itu penting bagi memastikan kelangsungan hidup pesawah dan menjamin bekalan makanan negara.

Katanya, harga lantai pada ketika ini tidak lagi relevan dengan keadaan semasa berikutan kenaikan kos diesel dan benih.

Penyerahan memorandum tersebut berlangsung dengan kawalan Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Perhimpunan yang pada awalnya dijadualkan berlangsung di PMO itu diteruskan di pekarangan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM).

Antara lain dikemukakan PeSAWAH ialah bantahan terhadap Rang Undang-undang (RUU) Kualiti Benih Tanaman.

Jelas Abdul Rashid, RUU tersebut dirancang tanpa sebarang perundingan yang bermakna dengan petani di negara ini.

"RUU ini akan mewajibkan setiap individu yang memproses dan mengedar benih tanaman untuk memperoleh lesen dan menghantar sampel benih ke makmal untuk ujian pengesahan.

"Kami difahamkan bahawa RUU ini juga memperuntukkan denda bernilai RM100,000 dan 3 tahun penjara kepada penyimpan dan pengedar benih yang tidak mempunyai lesen.

"Berikutan peningkatan kos bersawah kelewatan bekalan benih yang sering berlaku dan kemerosotan kualiti padi sah, sejak beberapa tahun kebelakangan ini, hampir 30% pesawah sudah mula memproses, berkongsi dan menjual benih padi dari sawah mereka sendiri.

"Ini untuk menjimatkan kos dan mendapat pendapat tambahan secara kecil-kecilan.

"Justeru kami membantah sekeras-kerasnya cadangan RUU ini yang dilihat akan membebankan petani kecil seperti kami," ujarnya ketika ditemui wartawan di pekarangan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), di sini, hari ini.

Semalam, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menasihatkan 1,000 pesawah yang merancang untuk berhimpun di Putrajaya hari ini menunda kunjungan itu ke satu tarikh lain.

Saranan itu susulan lawatan Presiden Indonesia, Prabowo Subianto ke Malaysia yang dijadual berlangsung pada hari sama.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/1/2025	FREE MALAYSIA TODAY	ONLINE	

Ahli Pesawah tetap berkumpul di sebalik nasihat PM tangguh perhimpunan

Semalam, Anwar Ibrahim minta Pesawah tangguh perhimpunan ke tarikh lain susulan lawatan Presiden Indonesia Prabowo Subianto di Putrajaya hari ini.



Ahli Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (Pesawah) berkumpul seawal 8 pagi di hadapan ibu pejabat Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM).

PUTRAJAYA:

Ahli Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (Pesawah) mengadakan demonstrasi aman di depan Wisma Tani bagi

menuntut harga rantai belian padi dinaikkan kepada RM1,800 per tan metrik

Mereka berkumpul seawal 8 pagi di hadapan ibu pejabat Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) dengan membawa sepanduk sambil melaungkan 'hidup pesawah, naikan harga padi'.

Difahamkan 10 daripada wakilnya ke bangunan Perdana Putra untuk menyerahkan memorandum ke Pejabat Perdana Menteri (PMO) yang sepatutnya menjadi lokasi asal perhimpunan terbabit.

Turut hadir Adun Kota Siputeh Mohd Ashraf Mustaqim Badrul Munir dan Timbalan Pengerusi Parti

Sosialis Malaysia (PSM) S Arutchelvan.

Semalam, Perdana Menteri Anwar Ibrahim menasihatkan pesawah yang hendak berhimpun di Putrajaya hari ini bagi menyerahkan memorandum supaya menangguhkannya ke suatu masa yang sesuai.

Beliau menegaskan kerajaan tidak menghalang mereka untuk berhimpun sebaliknya menjelaskan ia tidak sesuai dilakukan ketika lawatan Presiden Indonesia Prabowo Subianto.

Justeru, beliau mengarahkan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Mohamad Sabu mengadakan perjumpaan dengan kumpulan terbabit dan mengambil memorandum berkenaan untuk tindakan selanjutnya.

Polis juga menasihati penganjur memilih tarikh lain, ekoran kawalan keselamatan dipertingkatkan sempena lawatan Prabowo.

Ketika membentangkan Belanjawan 2024, Anwar yang juga menteri kewangan mengumumkan kenaikan harga rantai belian padi kepada RM1,300 per tan daripada RM1,200.

Anwar berkata keputusan itu dibuat mengambil kira rungutan pesawah padi apabila harga belian oleh pengilang diturunkan kepada tahap minimum RM1,200 per metrik tan sejak 2014.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/1/2025	MALAYSIA GAZETTE	ONLINE	

PeSawah adakan demonstrasi aman di Wisma Tani

PUTRAJAYA – Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysai (PeSAWAH) mengadakan demonstrasi aman di hadapan Wisma Tani di sini bagi menuntut harga lantai belian padi dinaikkan kepada RM1,800 untuk satu tan metrik.

Seawal pukul 8 pagi, lebih 500 peserta mula berada di Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) dengan membawa sepanduk.

Kawasan sekitar Wisma Tani kini dikawal rapi oleh pihak berkuasa bagi memastikan keselamatan kawasan ini dipelihara.



Sebahagian ahli Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysai (PeSAWAH) berkumpul dan melakukan demonstrasi aman sebelum menghantar memorandum kepada Perdana Menteri di Wisma Tani, Putrajaya. Foto MUHAIMIN MARWAN, 27 JANUARI 2025.

Sejumlah 10 wakil PeSAWAH akan bergerak ke Pejabat Perdana Menteri (PMO) bagi menyerahkan memorandum tuntutan mereka.

Malah satu sidang media akan diadakan pihak mereka berhubung tuntutan PeSAWAH terhadap kerajaan.

Semalam, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menasihatkan pesawah yang hendak berhimpun di Putrajaya hari ini bagi menyerahkan memorandum supaya menangkupkannya ke suatu masa yang sesuai.



Sebahagian ahli Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysai (PeSAWAH) berkumpul dan melakukan demonstrasi aman sebelum menghantar memorandum kepada Perdana Menteri di Wisma Tani, Putrajaya. Foto MUHAIMIN MARWAN, 27 JANUARI 2025.

Beliau menegaskan, kerajaan tidak menghalang mereka untuk berhimpun sebaliknya menjelaskan ia tidak sesuai dilakukan ketika lawatan Presiden Indonesia, Prabowo Subianto ke negara ini.

Justeru, Anwar mengarahkan agar Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu untuk mengadakan perjumpaan dengan pesawah dan mengambil memorandum berkenaan untuk tindakan selanjutnya.

Katanya, kerajaan berharap agar perhimpunan itu tidak dilangsungkan bagi mengelak ia mengganggu perjalanan majlis rasmi negara. – MalaysiaGazette

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/1/2025	MALAYSIA GAZETTE	ONLINE	

PeSAWAH desak kerajaan naikan harga lantai padi



Sebahagian ahli Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysai (PeSAWAH) berkumpul dan melakukan demonstrasi aman sebelum menghantar memorandum kepada Perdana Menteri di Wisma Tani, Putrajaya. Foto MUHAIMIN MARWAN, 27 JANUARI 2025.

PUTRAJAYA – Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysai (PeSAWAH) mendakwa harga lantai penjualan padi pada RM1,300 setan sudah tidak relevan.

Pengerusinya Abdul Rashid Yob berkata, kenaikan harga padi penting bagi memastikan kelangsungan hidup pesawah dan menjamin bekalan makanan negara.

Justeru itu, pihaknya meminta jaminan agar isu yang menghimpit para pesawah diselesaikan segera oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM).

“Harga lantai penjualan padi ketika ini yang telah ditetapkan pada 2023 sudah ketinggalan zaman serta tidak relevan dengan keadaan semasa berikutan kenaikan kos diesel dan benih,” katanya dalam sidang media di hadapan Wisma Tani, pagi ini.

Sebelum itu, sepuluh wakil PeSAWAH menyerahkan memorandum ke Pejabat Perdana Menteri dan diterima oleh Setiausaha Politik Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, Chai Ming Kai.

Menurut Abdul Rashid, wakil Anwar itu berkata, pihaknya menerima memorandum tersebut dan mendakwa satu perbincangan akan dibuat antara kerajaan dengan PeSAWAH.

“Kita pinta PMX disegerakan campur tangan supaya penanam padi dapat harga yang kita tuntutan, RM1,300 setan tahap rugi dengan pembelian tersebut.

“Menurut kepada pegawai PMO tadi, akan ada perbincangan antara PM dan kementerian dalam waktu terdekat, jadi kita minta disegerakan,” katanya.

Awal hari ini, PeSAWAH mengadakan demonstrasi aman di hadapan Wisma Tani bagi menuntut harga lantai belian padi dinaikkan kepada RM1,800 untuk satu tan metrik.

Seramai 10 wakil PeSAWAH bergerak ke Pejabat Perdana Menteri (PMO) bagi menyerahkan memorandum tuntutan mereka.

Semalam, Anwar menasihatkan pesawah yang hendak berhimpun di Putrajaya hari ini bagi menyerahkan memorandum supaya menangguhkannya ke suatu masa yang sesuai.

Beliau menegaskan, kerajaan tidak menghalang mereka untuk berhimpun sebaliknya menjelaskan ia tidak sesuai dilakukan ketika Lawatan Negara, Presiden Indonesia, Prabowo Subianto.

Justeru, Perdana Menteri mengarahkan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu untuk mengadakan perjumpaan dengan pesawah dan mengambil memorandum berkenaan untuk tindakan selanjutnya. — MalaysiaGazette

PeSAWAH menuntut naikkan harga lantai padi

Mohamad beri jaminan adakan perbincangan selesaikan dua tuntutan

Oleh Samadi Ahmad
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Datuk Seri Mohamad Sabu memberi jaminan untuk mengadakan perbincangan dengan pihak berkaitan termasuk pesawah berhubung dua tuntutan dikemukakan Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (PeSAWAH).

Katanya, beliau juga akan turun padang dan mengadakan li-

bat urus berterusan dengan pihak yang terbabit dengan penanaman padi termasuk pengurusan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) dan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA).

"Sebagai menteri yang bertanggungjawab saya akan mengambil tanggungjawab berkenaan memorandum diserahkan kepada Perdana Menteri itu," katanya ketika dihubungi semalam.

Terdahulu, seramai 10 wakil persatuan itu dilihat memasuki Pejabat Perdana Menteri (PMO) pada jam 10 pagi bagi menyerahkan memorandum diketuai Pengerusi PeSAWAH, Abdul Rashid Ahmad.

Mereka menyerahkan memorandum itu kepada Setiausaha Politik Perdana Menteri, Chan Ming Kai.

PeSAWAH menuntut kerajaan

Abdul Rashid pada sidang media di pekarangan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Wisma Tani, Putrajaya, semalam. (Foto Mohamad Shahri Badri Saali/BH)



menaikkan harga lantai padi daripada RM1,300 satu tan kepada RM1,800 satu tan berikutan kenaikan kos mengerjakan sawah pada masa ini.

Untuk rekod, pada masa ini kerajaan memberikan subsidi RM500 per tan selepas dinaikan daripada RM360 sebelumnya.

Abdul Rashid berkata, isu kedua membabitkan bantahan pesawah Rang Undang-Undang (RUU) Kualiti Benih Tanaman kerana ia menghalang mereka menghasilkan benih dan berkongsi atau menjualnya sendiri, selain ia didakwa tidak dibincang dengan pesawah.

Katanya, setiap individu yang mengeluarkan benih padi perlu dillesenkan dan menghantar sam-

pel ke makmal.

"Harga lantai ketika ini sudah tidak relevan berikutan kenaikan kos berkaitan diesel dan benih padi dan ia penting bagi memastikan kelangsungan hidup pesawah dan menjamin bekalan makanan negara," katanya pada sidang media semalam.

Sekitar 300 individu termasuk pesawah mengadakan perhimpunan di Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan di sini semalam selepas diubah lokasi asal dari Pejabat Perdana Menteri.

Harga lantai padi tak relevan
Abdul Rashid mendakwa harga lantai padi yang diperkenalkan sejak 2023 sudah ketinggalan za-

man serta tidak relevan dengan keadaan semasa berikutan kenaikan diesel dan benih padi.

Menurutnya, kos benih padi juga naik sejak 2023 dan terkini kepada RM58 bagi setiap 20 kilogram daripada RM45.

Katanya, kos membajak dan menuai juga meningkat apabila pengusaha jentera sawah tidak menerima *fleet card* diesel.

Sementara itu, Ming Kai berkata, beliau mengadakan pertemuan dengan wakil PeSAWAH kira-kira satu jam bagi membincangkan perkara itu.

Katanya, beliau menerima memorandum berkenaan dan akan menyerahkannya kepada Perdana Menteri dan agensi berkaitan.

SEBAHAGIAN pesawah yang hadir untuk memohon harga lantai padi dinaikkan ke RM1,800 berbanding RM1,300 ketika ini di pekanangan Wisma Tanj. Putrajaya semalam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/1/2025	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	6

Pesawah kemuka tuntutan naik harga lantai padi kepada Perdana Menteri

Oleh AMREE AHMAD
utusannews@mediamail.com.my

PUTRAJAYA: Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (Pesawah) mengemukakan dua tuntutan kepada Pejabat Perdana Menteri melibatkan isu harga lantai padi dan Rang Undang-Undang Kualiti Benih Tanaman.

Pengerusinya, Abdul Rashid Yob berkata, pihaknya bersama 10 orang wakil badan tersebut menyerahkan memorandum itu kepada Setiausaha Politik Perdana Menteri, Chan Ming Kai sekali gus memberi jaminan akan ada sesi perbincangan khas dengan pihak berkaitan dalam masa yang terdekat.

Menurut beliau, tuntutan bagi kenaikan harga lantai padi yang pada ketika ini hanya RM1,300 per tan dianggap amat rendah tanpa mencerminkan realiti kos semasa dan berharap kerajaan dapat melakukan intervensi untuk meningkatkan segera kadarnya kepada RM1,800 per tan.

"Ini penting demi kelangsungan hidup pesawah yang miskin dan juga menjamin bekalan ma-



ABDUL Rashid Yob pada sidang akhbar selepas menyertai kira-kira 500 pesawah yang berhimpun secara aman di lobi Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan di Putrajaya semalam. - UTUSAN/FAIZ ALIF ZUBIR

kanan ruji negara kerana selama ini terpaksa menanggung banyak kos," katanya pada sidang akhbar selepas menyertai kira-kira 500 pesawah berhimpun secara aman di lobi Kementerian Pertanian dan Keterjami-

nan Makanan di sini semalam.

Abdul Rashid berkata, pegawai Pejabat Perdana Menteri tersebut bersetuju antara tuntutan mereka mengenai isu bantahan ke atas Rang Undang-Undang (RUU) Kualiti Benih

Tanaman.

Katanya, RUU itu dibimbangi dalam jangka panjang berlaku monopoli korporat dan mahu ada sesi konsultasi telus semua pihak.

Beliau memberikan contoh

lonjakan kos benih padi selain membajak dan menuai ekoran penyasaran subsidi diesel serta sewa tanah, racun kimia dan upah penyelenggaraan.

Ditanya apakah kesemua negeri terkenas dengan isu sama, beliau mengakui masalah tersebut berlaku di semua kawasan jelang padi di Semenanjung Malaysia.

Sementara itu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu memberi jaminan untuk 'turun padang' bagi menilai sendiri isu padi.

Dalam satu jawapan ringkas kepada media, beliau akan mengambil tanggungjawab untuk mengadakan libat urus dengan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) di Kedah dan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu di Kelantan (KADA) bagi menyelesaikan permasalahan berkaitan.

"Saya akan ambil tanggungjawab 'turun' ke MADA dan KADA serta tempat-tempat lain yang berkaitan untuk libat urus secara berterusan dengan para penanam padi," katanya di sini semalam.

Harga beli padi: Pesawah hanya dapat RM21 sehari

ALOR SETAR: Pendapatan para pesawah yang mengusahakan tanaman padi di negeri ini hanya sekitar RM21.77 sen sehari bagi satu musim untuk keluasan kira-kira 2.4 hektar atau lapan relung.

Keluasan itu adalah purata sawah yang diusahakan kebanyakan petani di kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) di sini, sama ada memiliki sawah sendiri atau menyewa daripada orang lain.

Sebagai contoh, petani perlu membayar antara RM700 ke RM800 hanya untuk menyewa sawah terbabit bagi setiap relung atau 0.3 hektar yang mana kos keseluruhan boleh mencecah sehingga RM5,600 ke RM6,400.

Seandainya padi dibeli pengilang pada harga RM1,300 setiap tan metrik, pendapatan kasar seorang pesawah bagi keluasan 2.4 hektar itu adalah RM15,600 dengan hasil pengeluaran padi kira-kira 12 tan atau 1.5 tan bagi setiap relung.

Pendapatan sebanyak RM15,600 itu jika ditambah subsidi RM500 diberikan kerajaan bagi setiap tan akan berjumlah RM21,600, bagaimana-



PESAWAH terus membanting tulang walaupun menerima pulangan yang tidak setimpal ekoran harga belian padi yang terlalu murah. - UTUSAN/ SHAHIR NOORDIN

pun setelah ditolak kos input pertanian RM12,080 dan sewa sawah RM5,600 maka seorang pesawah hanya akan menerima pendapatan bersih di tangan sekitar RM3,920 semusim.

Semusim tanaman padi yang bersamaan enam bulan itu pula menjadikan setiap bulan mereka hanya boleh membelanjakan sebanyak RM653.33 atau RM21.77 sen sehari selama 180 hari.

Bagi petani yang mengusahakan sawah sendiri untuk keluasan sama pula, mereka akan mendapat RM9,520 semusim yang setelah dibahagi enam bulan bersamaan RM1,586.66 atau RM52.88 sehari.

Pengerusi Badan Bertindak Petani di Kawasan MADA, Che Ani Mat Zain berkata, daripada keseluruhan lebih 50,000 pesawah di kawasan itu, kira-kira 50 peratus petani menyewa

sawah untuk mencari rezeki.

"Bendang-bendang itu kebiasaannya pemilik yang telah meninggal dunia, sudah berusia dan tiada kudrat lagi untuk mengerjakan sawah dan waris-waris mereka juga tidak berminat untuk meneruskan kesinambungan kepada penanaman padi yang dilihat kini tidak berbaloi dengan usaha."

"Maka kalau kerajaan masih kekalkan harga lantai belian padi hanya RM1,300 setiap tan metrik seperti sekarang ini, memang para petani sukar untuk teruskan hidup, bayangkan RM653.33 sebulan yang jauh daripada paras gaji minimum ditetapkan di negara ini."

"Ramai petani yang masih ada anak kecil bersekolah dan menanggung komitmen-komitmen bulanan yang tinggi. Jadi, bagaimana mereka nak menghadapi situasi ini dengan pendapatan sebegini," katanya kepada Utusan Malaysia.

Menurut Che Ani, pesawah semakin lelah apabila setiap musim terpaksa berhadapan dengan isu-isu yang tidak sepatutnya ketika mereka membanting tulang menyediakan

makanan ruji itu kepada rakyat negara ini.

Katanya, kerajaan terutama Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) perlu segera menyelesaikan isu harga lantai belian padi kerana perkara itu adalah 'kunci' utama dalam sektor tanaman itu.

"Tak kan setiap musim petani nak kena berkumpul beramai-ramai tunjuk perasaan, selar orang itu, kata kepada orang ini. Kami penat dan sebaiknya dibuat segera kata putus mengenai harga lantai belian padi pada harga yang munasabah."

"Kami sepakat untuk minta dinaikkan kepada RM1,800 setiap tan metrik kerana kadar itu pernah dibeli oleh kebanyakan pengilang pada musim-musim sebelum ini. Maknanya mereka ada kemampuan untuk beli padi daripada petani pada harga itu," katanya.

Pada masa sama, Che Ani berkata, kerajaan wajar membuat pertimbangan untuk menetapkan harga beras sekitar RM28 ke RM30 bagi setiap 10 kilogram yang membolehkan situasi senang-menang antara petani, pengilang dan pengguna.

28/1/2025

HARIAN
METRO

LOKAL

13

PESAWAH MAHU KERAJAN LULUS DUA TUNTUTAN

Naik harga lantai padi RM1.8k

Oleh Samadi Ahmad
am@hmetro.com.my

Putrajaya

Pertubuhan Pesawahan Malaysia (PeSAWAH) menuntut kerajaan meluluskan dua tuntutan yang dikemukakan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim serta Menteri Pertanian dan Ketersediaan Makanan (KPKM) Datuk Seri Mohamad Sabu yang diserahkan, semalam.

Pengerusinya, Abdul Rashid Yob berkata, isu pertama adalah mengesahkan kerajaan menaikkan harga lantai padi dari RM1,300 ke-

pada RM1,800 per tan. Katanya, isu kedua melibatkan bantahan terhadap Rang Undang-Undang (RUU) Kualiti Benih Tanaman kerana ia dirangka tanpa perbincangan dengan petani.

"Harga lantai ketika ini sudah tidak relevan, berikutan kenaikan kos bekaltan diesel dan benih padi dan ia penting bagi memastikan kelangsungan hidup pesawah dan menjamin bekalan makanan negara," katanya pada sidang media di KPKM, di sini, semalam.

Terdahulu seramai 10 wakil PeSAWAH menyertai majlis di Kementerian Pertanian dan Ketersediaan Makanan (KPKM) di Putrajaya, semalam.

Janji turun padang jumpa Mada, Kada

Putrajaya: Menteri Pertanian dan Ketersediaan Makanan Datuk Seri Mohamad Sabu memberi jaminan pihaknya akan mengambil tanggungjawab terhadap memorandum diserahkan Pertubuhan Pesawahan Malaysia (PeSAWAH).
Menurutnya, beliau akan turun padang untuk bertemu pihak pengurusan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (Mada) dan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (Kada) bagi menyelesaikan tuntutan dikemukakan PeSAWAH.
Katanya, pihaknya juga akan turun padang dan mengadakan libat urus berterusan dengan pihak terlibat dengan penanaman padi.
"Sebagai menteri yang

bertanggungjawab, saya juga akan mengambil tanggungjawab berkenaan memorandum yang diserahkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim," katanya ketika dihubungi, semalam.

Terdahulu seramai 10 wakil PeSAWAH menyerahkan memorandum kepada Pejabat Perdana Menteri diketuai pengerusi Abdul Rashid Yob. Pada masa sama wakil PeSAWAH turut mengadakan perbincangan dengan pegawai Kementerian Pertanian dan Ketersediaan Makanan (KPKM).
Sementara itu, kira-kira 300 ahli PeSAWAH berhimpun di luar lobi KPKM bagi memberi sokongan terhadap memorandum berkenaan.



ABDUL RASHID (tengah) ketika sidang media di pekanrangan Kementerian Pertanian dan Ketersediaan Makanan, Wisma Tani, Putrajaya.

teri (PMO) yang disampaikan kepada Setiausaha Politik Perdana Menteri Chan Ming Kai.

Abdul Rashid berkata, harga lantai padi yang diperkenalkan pada 2023 sudah ketinggalan zaman serantau tidak relevan dengan keadaan semasa berikutan kenaikan harga diesel dan benih.

Menurutnya, kos benih padi juga naik dua kali ganda sejak 2023 dan terkini RM58 bagi setiap 20 kilogram daripada RM45 sebelum ini.

Katanya, peningkatan kos membajak dan menuai meningkat disbabkan penghapusan subsidi diesel sehingga memaksa pesawah menanggung kos me-

ke makmal bagi ujian kerana tidak menerima ngesahan.

Katanya, berikutan peningkatan kos bersawah, kelewatan bekalan benih yang sering berlaku dan kemerosotan kualiti benih padi sah, ham-

"Harga lantai ketika ini sudah tidak relevan"
Abdul Rashid

menjimatkan kos. "PeSAWAH menyuarakan memberi perhatian serius kepada isu ini bagi memastikan keselamatan dan kesejahteraan pesawah terjamin," katanya.

28/1/2025

SINAR
NASIONAL

8

HARIAN

PesAWAH kemuka dua usul kepada PM

Mahu harga lantai padi dinaikkan serta batal pembentangan RUU Kualiti Benih Tanaman di Parlimen

Oleh DIANA AZIS
PUTRAJAYA

Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (PeSAWAH) mahu kerajaan mempertimbang cadangan pertubuhan itu untuk menaikkan harga lantai padi daripada RM1,300 per tan kepada RM1,800.

Pengerusi PeSAWAH, Abdul Rashid Yob berkata, hal itu merupakan antara dua usul yang

disenaraikan dalam satu memorandum yang diserahkan kepada Pejabat Perdana Menteri (PMO) pada Isnin.

"Tuntutan oleh pesawah di seluruh negara itu dilihat munsabah memandangkan harga lantai ketika ini sudah tidak relevan berikutan kenaikan kos diesel dan benih padi. Jadi, kenaikan harga padi ini penting bagi memastikan kelangsungan hidup pesawah dan menjamin bekalan makanan negara," katanya.

Beliau berkata demikian ketika pemberita selepas menyerahkan memorandum berkenaan kepada Setiausaha Politik Perdana Menteri, Chan Ming Kai.

Selain itu katanya, memorandum berkenaan turut mengandungi bantahan PeSAWAH terhadap Rang Undang-Undang

(RUU) Kualiti Benih Tanaman yang dijangka dibentangkan di Parlimen pada sesi akan datang dan mahu kerajaan membatalkannya.

Abdul Rashid berkata, RUU itu mewajibkan setiap individu yang memproses dan mengedar benih tanaman untuk memperoleh lesen dan menghantar sampel benih ke makmal untuk ujian pengesanan.

Di bawah RUU itu katanya, mana-mana penyimpanan dan pengedar benih yang tidak mempunyai lesen boleh dikenakan denda hingga RM100,000 dan tiga tahun penjara.

"Kami membantah sekeras-kerasnya cadangan RUU yang dilihat akan membebankan petani kecil. Hal ini berikutan peningkatan kos bersawah, kewatatan bekalan benih yang sering berlaku dan kemerosotan



Abdul Rashid (tengah) ketika sidang akhbar di pekarangan Wisma Tani di Putrajaya pada Isnin.

kualiti benih padi sah," tegasnya. Abdul Rashid berkata, sejak beberapa tahun kebelakangan ini, hampir 30 peratus pesawah sudah mula memproses, berkongsi dan menjual benih padi dari sawah mereka sendiri untuk menjimatkan kos dan mendapat pendapatan tambahan secara kecil-kecilan.

Terdahulu, lebih 500 pesawah berhimpun secara aman di pekarangan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan dengan membawa poster bertulis antaranya 'PMX tolong naikkan harga lantai', 'Peluh petani bukan percuma', 'Tolak pelesenan wajib untuk setiap benih'.

Sementara itu, Min Kai ketika ditemui memaklumkan, beliau sudah menerima memorandum

berkenaan dan akan menyalurkannya kepada Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Memorandum itu juga akan disampaikan kepada agensi berkaitan untuk diambil tindakan," jelasnya.

Dalam pada itu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu ketika dihubungi memberi jaminan akan turun padang dengan kadar segera untuk mengadakan libat urus dengan petani yang terjejas.

"Sebagai menteri bertanggungjawab, saya akan turun ke Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA), Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) dan lain-lain tempat untuk libat urus berterusan dengan penanam padi," ujarnya.



Sekumpulan ahli PeSAWAH mengadakan demonstrasi aman pada Isnin.

INCREASE PADI FLOOR PRICE

MINISTRY TO LOOK INTO PADI FARMERS' CALL

Pesawah and 300 farmers want govt to raise minimum padi purchase price to RM1,800 per tonne

SHAHARUL SHAHABUDIN
PUTRAJAYA
news@nst.com.my

AGRICULTURE and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu said he will engage the relevant agencies to address farmers' demand to increase padi floor price.

His response followed a memorandum submitted by the Malaysian Padi Farmers Brotherhood Organisation (Pesawah) and around 300 farmers to the

Prime Minister's Office, urging the government to increase the minimum padi purchase price from RM1,300 to RM1,800 per tonne.

"Regarding the memorandum to the prime minister (Datuk Seri Anwar Ibrahim), I, as the minister, will take responsibility to visit the Kemubu Agricultural Development Authority (Kada), Muda Agriculture Development Authority (Mada) and other agencies and engage in continuous discussions with padi farmers," Mohamad told the media.

Earlier, Pesawah and around 300 farmers from the peninsula called for immediate government intervention to raise the padi floor price to RM1,800.



Datuk Seri
Mohamad Sabu

Its chairman, Abdul Rashid Yob, said a memorandum had been handed to Anwar's political secretary, Chan Ming Kai, at Perdana Putra yesterday.

Rashid said the current price was irrelevant, considering the increase in operating costs for padi farmers since 2023.

"We urge the prime minister to intervene promptly so that the padi floor price is raised. It is currently RM1,300 and we are facing a loss."

"According to the prime minister's officer earlier, there will be discussions between the prime minister and the Agriculture and Food Security Ministry shortly," he told reporters at Wisma Tani after handing over



Malaysian Padi Farmers Brotherhood Organisation chairman Abdul Rashid Yob speaking to the media outside the Agriculture and Food Security Ministry, Wisma Tani in Putrajaya, yesterday. NSTP PIC BY MOHAMAD SHAHRIL BADRI SAALI

the memorandum.

Rashid said the memorandum also contained their opposition to the plant seed quality bill that is expected to be tabled by the ministry next month.

He said the bill was drafted without any engagement with the organisation and claimed that the bill would burden small-scale padi farmers.

Earlier, Chan said a discussion was held with Pesawah representatives for an hour.

He added that their memorandum would be forwarded to the prime minister and relevant agencies for the next course of action.

Meanwhile, Kota Siputeh assemblyman Mohd Ashraf Mustaqim Badrul Munir has called on the federal government to engage with the Kedah government as the country's largest rice producer on policies related to the padi cultivation industry before its implementation.

Padi farmers hand memo to PMO

By ZAKIAH KOYA

zakiah@thestar.com.my

PUTRAJAYA: Padi farmers are hoping that the memorandum accepted by the Prime Minister's Office (PMO) will lead to better livelihoods for farmers nationwide.

They are seeking to raise the padi floor price from RM1,300 per tonne to RM1,800 and scrap the proposed Quality Crop Seed Bill.

Malaysia Padi Farmers Brotherhood Association (PeSawah) chairman Abdul Rashid Yoh, who led seven buses of farmers to Putrajaya yesterday, said the Prime Minister's political secretary Chan Ming Kai accepted the memorandum on behalf of Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu, in a short text to the media,

said he will take responsibility and deal with the farmers.

According to Abdul Rashid, the padi floor price has been set at RM1,300 since 2023.

"That price is too low as the targeted diesel subsidy last June has led to a higher cost for all other services and machinery.

"As a result, we have to bear 55% of the increase in costs.

"We urge the government to raise the padi floor price from RM1,300 per tonne to RM1,800.

"The cost of padi seeds has also increased twice since 2023," said Abdul Rashid, adding that land rental, pesticides and wage costs have also increased.

"We also oppose the Crop Seed Quality Bill as it was drafted without consultation with farmers. It requires individuals processing and distributing seeds to obtain licences and submit seed samples



Open arms: Agriculture and Food Security Ministry deputy secretary-general Datuk Badrul Hisham Mohd meeting with the farmers at the ministry building in Putrajaya. — SHAARI CHEMAT/The Star

for laboratory testing," he said. Abdul Rashid said 30% of farmers have started processing and selling seeds from their fields to save costs and earn additional income on a small scale.

He said this is due to the rising costs of farming, frequent delays in seed supply and the deterioration in the quality of certified padi seeds in recent years.

Earlier, hundreds of farmers

gathered at the Agriculture and Food Security Ministry here after being told to move from the PMO by the police.

A few leaders later proceeded to the Perdana Putra building to submit a memorandum to the PMO.

Farmer Ku Syaharil Ku Desa, 54, from Kuala Muda, Kedah, said he is making losses with the current floor price at RM1,300.

"Our hopes are so high on the Prime Minister as he had once championed the plight of poor farmers in Baling in 1974," said Ku Syaharil.



WATCH THE
VIDEO
TheStarTV.com

Kuala Lumpur: Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) menerima sebanyak 2,610 aduan berkaitan kebajikan kucing termasuk dijadikan makanan kepada ular.

Jurucakap DVS berkata, kes haiwan peliharaan yang menjadi makanan kepada haiwan eksotik itu hanya rendah berbanding jumlah keseluruhan aduan diterima.

Beliau berkata, memberi makanan haiwan sebagai makanan bagi haiwan lain menurut tabiat pemakanan semula jadi haiwan itu adalah tidak menjadi kesalahan mengikut Seksyen 29(2)(c) Akta Kebajikan Haiwan 2015 (Akta 772).

Menurutnya, walaupun ia tidak menjadi kesalahan namun pemilik ular sawa dinasihatkan supaya memilih haiwan lain selain kucing seperti tikus.

"Kucing memang boleh menjadi mangsa bagi ular sawa termasuk yang dipelihara.

"Ia haiwan karnivor yang dalam habitat mereka sebagai pemangsa pelbagai jenis haiwan termasuk mamalia kecil seperti kucing.

DVS terima 2,610 aduan berkaitan kebajikan kucing

"Namun dalam konteks ular sawa peliharaan, pemilik biasanya tidak memberi kucing sebagai makanan haiwan itu melainkan makanan lebih umum seperti tikus atau haiwan kecil lain yang sesuai dengan diet ular terabit," katanya kepada Harian Metro.

Beliau berkata, menurut budaya rakyat Malaysia, kucing adalah haiwan peliharaan yang sering dipandang sebagai anggota keluarga dan memberi makan kepada ular sawa dianggap boleh menimbulkan isu etika yang tidak bermoral.

Malah pihaknya tidak menggalakkan rakan-rakan memberi makan haiwan dibuat secara terbuka kepada orang awam yang boleh me-

nimbulkan pelbagai spekulasi selain menjaga sensitiviti pencinta haiwan.

Orang ramai juga dinasihatkan untuk tidak menyebarkan atau menularkan sebarang kejadian membabitkan kebajikan haiwan sebelum merujuk kepada DVS.

Beliau menasihati orang awam supaya melaporkan sebarang aduan berkaitan kebajikan haiwan dan penganiayaan haiwan kepada DVS melalui sistem MyAnimalwelfare di alamat <https://awa.dvs.gov.my/>.

Individu disyaki melakukan kesalahan membabitkan kebajikan haiwan boleh dikenakan tindakan mengikut Ak-

ta Kebajikan Haiwan 2015, Akta Binatang 1953, dan Akta Pemuliharaan Liar 2010.

Beri ular sawa makan kucing dianggap boleh menimbulkan isu etika

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/1/2025	MALAYSIA GAZETTE	ONLINE	

MAQIS patahkan cubaan bawa masuk 120 kg gamat mentah dari Singapura



Pihak MAQIS merampas gamat mentah di KSAB, Gelang Patah, pada pukul 5.06 petang semalam.

ISKANDAR PUTERI – Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) dengan usahasama Jabatan Kastam Diraja Malaysia mematahkan cubaan membawa masuk 120 kilogram (kg) gamat mentah tanpa permit dari Singapura semalam.

Pengarah MAQIS Johor, Edie Putra Md Yusof berkata, kejayaan itu selepas pihaknya melakukan pemeriksaan sebuah kereta di Kompleks Sultan Abu Bakar (KSAB), Gelang Patah pada pukul 5.06 petang.

“Hasil pemeriksaan telah menemukan empat tong berisi lebih kurang 200 paket gamat mentah seberat 120 kilogram (kg)

yang diletakkan di bahagian belakang kereta berkenaan.

“Kita menemukan gamat mentah dianggarkan bernilai RM12,000. Gambat mentah ini cuba dibawa masuk tanpa permit import MAQIS di laluan penumpang kenderaan ringan.

“Selain itu, gamat mentah tersebut juga dibawa masuk tanpa sebarang dokumen. Pemandu warganegara tempatan berusia 32 tahun ditahan serta diambil keterangan sebelum dilepaskan,” katanya dalam kenyataan hari ini.

Menurutnya, kes disiasat bawah Seksyen 11(1), Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728) yang boleh dihukum di bawah Seksyen 11(3) Akta yang sama.

Jika disabit kesalahan seseorang itu boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya sekali.

“Pihak MAQIS sentiasa komited menjalankan penguatkuasaan di pintu masuk negara bagi menjamin keselamatan keluaran pertanian yang masuk ke dalam negara dan mematuhi syarat serta peraturan yang ditetapkan oleh kerajaan,” ujarnya.- MalaysiaGazette

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/1/2025	BERITA RTM	ONLINE	

Cubaan seludup masuk 120 kg gamat mentah gagal



JOHOR BAHRU, 27 Januari - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) Johor bersama-sama Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) berjaya mematahkan cubaan menyeludup masuk 120 kilogram (kg) gamat mentah ke dalam negara, di Kompleks Sultan Abu Bakar, Gelang Patah, semalam.

Ketua Pengarah MAQIS Johor Edie Putra Md

Yusof berkata, kesemua gamat tersebut dijumpai di bahagian belakang sebuah kereta dan dianggarkan bernilai RM12,000.

Pemeriksaan lanjut mendapati gamat mentah tersebut tidak mempunyai permit import MAQIS, selain dibawa masuk tanpa sebarang dokumen.

Pemandu dan kereta tersebut ditahan untuk siasatan lanjut mengikut Seksyen 11 (1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011.

Sabit kesalahan boleh didenda hingga RM100,000 atau penjara hingga enam tahun atau kedua-duanya sekali.

#maqis johor

#Edie Putra Md Yusof

#gamat mentah

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/1/2025	SINAR HARIAN	ISKANDAR PUTERI	29

Maqis rampas 120 kilogram gamat mentah dari Singapura

ISKANDAR PUTERI - Cubaan membawa masuk empat tong mengandungi 120 kilogram (kg) gamat mentah dari Singapura berjaya digagalkan dalam satu operasi di Kompleks Sultan Abu Bakar (KSAB) Gelang Patah pada Ahad.

Pengarah Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Johor, Edie Putra Md Yusof berkata, gamat mentah dianggarkan bernilai RM12,000 dikesan ketika menahan sebuah kenderaan utiliti sukan (SUV) untuk pemeriksaan pada jam 5.06 petang di laluan penumpang kenderaan

ringan KSAB.

"Hasil pemeriksaan menemukan empat tong berisi 200 paket gamat mentah diletakkan di but belakang dipercayai cuba dibawa masuk tanpa permit import Maqis atau sebarang dokumen sah.

"Susulan itu, pemandu warga tempatan berusia 32 tahun ditahan dan dilepaskan selepas diambil keterangan," katanya pada Isnin.

Menurutnya, kes disiasat mengikut Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011.



Kotak mengandungi 120kg gamat mentah tanpa permit import ditemukan Maqis ketika pemeriksaan di KSAB Gelang Patah.

Seludup 120kg gamat naik Mazda

ISKANDAR PUTERI – Cubaan seorang lelaki menyeludup 120 kilogram gamat mentah bernilai RM12,000 masuk ke negara ini berjaya digagalkan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) dengan kerjasama Jabatan Kastam Diraja Malaysia (Kastam).

Pengarah Maqis Johor, Edie Putra Md. Yusof berkata, lelaki tempatan berusia 32 tahun itu dikesan melakukan kesalahan tersebut di Kompleks Imigresen dan Kuarantin (CIQ) Sultan Abu Bakar (KSAB), Gelang Patah, di sini petang kelmarin.

“Pemeriksaan dibuat pihak berkuasa pada pukul 5.06 petang telah menemukan lebih kurang 200 paket gamat mentah seberat 120 kilogram di bahagian belakang kenderaan utiliti sukan (SUV) Mazda CX-5.



SEBUAH kenderaan jenis Mazda digunakan untuk seludup gamat mentah ditahan di CIQ KSAB, Gelang Patah, Iskandar Puteri, kelmarin.

“Pemeriksaan lanjut dibuat mendapati, pemandu terbabit tidak mempunyai sebarang permit untuk membawa masuk gamat mentah bernilai RM12,000 itu ke Malaysia,” katanya dalam satu kenyataan, di sini semalam.

Sehubungan itu, Edie Putra berkata pemandu berkenaan telah ditahan untuk diambil keterangan sebelum dilepaskan.

“Perbuatan itu boleh didenda tidak melebihi RM100,000 dan penjara,” katanya.

28/1/2025

UTUSAN

MALAYSIA

DALAM

NEGERI

35

Penternak kerang rugi RM500,000 isu perbaharui TOL

Oleh WAT KAMAL ABAS

ulutan.kam@malaysia.com.my

TAIPING: Lebih 250 orang penternak kerang Daerah Larut Matang di sini berdepan masalah berkenaan pembaharuan lesen pendudukan kerang (TOL) di daerah Larut Matang.

Pengerusi Persatuan Penternak Kerang Kuala Sepetang, Kosy Seng Lam berkata, kelewatan agensi terlibat memproses TOL sejak 2019 menyebabkan perusahaan mereka mengalami kerugian lebih RM500,000 sebulan berikutan berhadapan dengan kegiatan mencuri oleh pihak tidak bertanggungjawab.

Menurutnya, antara isu yang mereka hadapi apabila pencuri atau pemungut mendakwa kerang ternak itu tidak mempunyai TOL dan mereka berhak mengambil kerang yang ada dalam tapak ternakan sehingga menimbulkan konflik antara mereka.

"Ini mengganggu kami mengeluarkan kos yang tinggi menggaji pekerja bagi menjaga tapak sebagai salah satu usaha mengekang kegiatan curi kerang di perairan Kuala Sepetang di sini."

"Pemungut kerang ini bukanlah nelayan berdaftar di bawah persatuan, setup hari mereka keluar lewat petang hingga malam menaiki bot tanpa ada nombor pendaftaran untuk pungut kerang dimerak di kawasan kami. Sekiranya tidak ditangani dengan baik, isu tersebut akan mencetuskan pergaduhan dalam kalangan komuniti nelayan," katanya.

Menurutnya walaupun banyak tapak ternakan kerang masih belum mendapat pembaharuan TOL atau kelulusan untuk tapak baharu, mereka terpaksa meneruskan kegiatan ternakan di kawasan yang masih produktif seperti di Tanjung Burung hingga ke Sungai Tiram Laut. Menurutnya, mereka meneruskan ternakan kerana kawasan

ini subur dengan benih kerang dan penternak mula melabur banyak wang untuk membeli benih kerang tempatan serta luar.

"Namun, tanpa kelulusan yang sah, keadaan ini amat merugikan kelaungsungan industri ini," katanya.

Ahli Lembaga Pengarah Persatuan Nelayan Matang Utara, Faizul Sofan Stoddin dalam pada itu berkata, pihak berwajib harus proaktif mencari jalan penyelesaian memperbaharui TOL secara adil dan menyeluruh.

"Kami mencadangkan agar pihak berkuasa memberi kelonggaran dalam proses permohonan dan mengutamakan sokongan daripada persatuan nelayan atau Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM)."

"Kami sudah lama terlibat dalam industri ini, termasuk pengeksportan kerang ke luar negara. Namun, sekarang kami terpaksa menanggung risiko besar kerana masalah TOL yang belum selesai," katanya.



PENTERNAK kerang memohon kerajaan menyelesaikan isu permohonan lesen untuk ternakan mereka di Taiping semalam. - UTUSAN/WAT KAMAL ABAS

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/1/2025	KOSMO	TEKNO	19



Aplikasi pantau operasi ladang

SEIRING peredaran masa, perkembangan teknologi digital juga mempamerkan kemajuan apabila berjaya membantu manusia menyerahkan kreativiti dan memberikan kemudahan dalam menyelesaikan masalah.

Menerusi inovasi yang dibangunkan oleh Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS), aplikasi Smart Ehsan Onion telah berjaya memberikan penjimatan tenaga kerja di ladang sekitar 50 peratus.

Aplikasi tersebut digunakan untuk pertanian fertigasi dalam projek Tanaman Bawang Rose Ehsan PKPS di Selangor Fruit Valley, Batang Berjuntal, Selangor.

Menariknya, aplikasi berkenaan menggunakan sistem IOT (Internet of Things) yang bukan sahaja memberi manfaat kepada penanaman bawang, malah



Sistem ini dapat membantu pekerja membuat pemantauan secara automatik, pengoptimuman pembajaan, pengurusan nutrien, kecekapan kos dan sumber serta peningkatan kualiti hasil."

untuk tanaman lain.

Menurut Penolong Pengurus Projek PKPS Hilal Azri Rosman, aplikasi Smart Ehsan Onion dapat membantu menentukan ketetapan bagi proses penyiraman dan pembajaan bagi kawasan seluas 25 ekar (10 hektar).

"Aplikasi ini boleh digunakan untuk pelbagai jenis tanaman yang melibatkan fertigasi iaitu kaedah pemberian baja melalui sistem pengairan (penyiraman).

"Sistem ini juga dapat membantu pekerja membuat pemantauan secara automatik, pengoptimuman pembajaan, pengurusan nutrien, kecekapan kos dan sumber serta peningkatan kualiti hasil.

"Menerusi aplikasi ini, ketetapan masa penyiraman air hanya dibuat pada waktu-waktu tertentu sahaja.

"Selalunya, penyiraman 15 minit per ekar, sementara pembajaan lima hari sekali," katanya kepada K-Tekno.

Kewujudan aplikasi tersebut memberi peluang kepada pekerja ladang untuk memberi fokus kepada kerja-kerja lain berbanding penyiraman dan pembajaan.

Kata Hilal Azri, kebanyakan petani melakukan kedua-dua tugas berkenaan secara manual iaitu dengan menghidupkan pam air dan sebagainya.

"Ia berbeza sama sekali dengan sistem automatik Smart Ehsan Onion yang menggunakan perisian komputer.

"Sebelum ini, kita menggunakan tenaga manusia untuk melakukan tugas-tugas di ladang. Para pekerja ini kadangkala melibatkan emosi ketika bekerja.

"Pada hari tahap kesihatan atau mood pekerja baik, mereka akan memberikan komitmen 100 peratus kepada kerja. Sekiranya mereka tiada mood, pokok-pokok ini pasti akan terjerjas," ujarnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/1/2025	KOSMO	TEKNO	20



PENGURUSAN ladang bawang menjadi lebih sistematik dengan penggunaan teknologi IoT. – SYAKIR RADIN



Rencana Utama

Oleh
**FADILA
AWALUDIN**

Urus ladang di hujung jari, kurangkan tenaga kerja

PENGUNAAN teknologi dalam pertanian, bukanlah bertujuan menafikan kesungguhan tenaga kerja manusia. Sebaliknya, penggunaan aplikasi seperti Smart Ehsan Onion hanya bersifat pemantauan automatik bagi mengoptimalkan pembajaan secara sekata, sekali gus meningkatkan kualiti hasil tanaman.

Dikuasakan dengan persisian android, Smart Ehsan Onion hanya boleh digunakan pada telefon dan tidak disediakan dalam versi desktop.

Justeru, aplikasi tersebut boleh digunakan pada bila-bila masa dan di mana-mana saja selagi terhubung dengan talian internet.

Bercerita lanjut tentang aplikasi itu, Hilal Azri berkata, kemampuan IOT membolehkan fungsi Smart Ehsan Onion dipelbagaikan, selain daripada urusan fertigasi.

Katanya, aplikasi itu juga mampu melakukan pembersihan air atau backwash secara automatik dan menguruskan rumah pam secara sistematik.

"Backwash merupakan proses pembersihan semula air tadahan agar bebas daripada benda asing seperti pasir dan batuan kecil.

"Bagi tapak tanaman yang terletak di kawasan cerun atau dalam hutan, petani sukar untuk mendapatkan bekalan air, melainkan menggunakan air daripada sumber tadahan.

"Jadi, tidak semua kawasan ladang atau estet mempunyai sumber air bersih



APLIKASI Smart Ehsan Onion membantu proses pembersihan air atau backwash secara automatik.

daripada syarikat air.

"Jadi, apabila kita mendapat air daripada sumber semula jadi (tadahan), kandungannya berkemungkinan mempunyai campuran pasir halus dan batuan kecil.

"Disebabkan itu, kita menggunakan sistem penapisan bagi membantu menapis air agar bebas daripada kotoran terutamanya kewujudan benda asing," ujarnya.

Selain itu, sistem Smart Ehsan Onion akan membantu rumah pam menyekat kemasukan air ke bahagian penyiraman dalam masa dua minit.

Kemudian, dalam tempoh masa satu minit, air yang tercemar akan dimasukkan semula ke dalam kolam.

"Bermula dengan menapis pasir, kemudian air ini akan ke bahagian penapisan batu dan seterusnya kepada tanaman.

"Aplikasi ini membolehkan urusan

ketetapan dibuat secara automatik tanpa memerlukan ramai tenaga kerja.

"Aplikasi ini sangat menarik kerana membantu kami mengurangkan kos penyelenggaraan kerana boleh dibuat secara berkala.

"Penyelenggaraan akan dibuat dalam tempoh dua bulan sekali, tiga bulan sekali atau setahun sekali, tetapi bergantung kepada kawasan dan tahap kualiti air," terangnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/1/2025	KOSMO	TEKNO	21



BAWANG yang dihasilkan lebih berkualiti dengan penggunaan aplikasi Smart Ehsan Onion.



PENGUNAAN tenaga kerja di ladang dapat dikurangkan dengan aplikasi Smart Ehsan Onion.

INFO Fungsi aplikasi Smart Ehsan Onion

- **Fertigasi:** Melakukan penyiraman dan pembajaan tanaman bawang di Selangor Fruit Valley, Batang Berjuntai
- **Ramalan cuaca:** Membantu untuk mengetahui tahap kelembapan tanaman agar tidak menjejaskan tanaman.
- **Backwash:** Melakukan ketetapan masa untuk membuat pembersihan air tadahan siraman agar tidak mengandungi benda asing seperti pasir dan batuan kecil
- **Pengawasan berkala:** Pihak teknikal akan bertanggungjawab untuk memantau dan memastikan aplikasi dapat berfungsi dengan baik tanpa sebarang gangguan teknikal

SEBAHAGIAN tetapan yang terdapat dalam aplikasi Smart Ehsan Onion.

Tambah menarik, Smart Ehsan Onion hanya memerlukan seorang penyelia bertugas bagi memantau dan memastikan ketetapan dalam aplikasi dilakukan mengikut aturan serta tiada gangguan teknikal.

"Sesetengah pekerja mungkin tidak mahir dengan penggunaan teknologi.

"Jadi, kita akan berikan tugas kepada mereka yang betul-betul bertanggungjawab bagi mengelakkan gangguan sistem.

"Mereka yang ditugaskan akan

memantau aplikasi dan pekerja ladang lain mengikut kesesuaian masing-masing.

"Apabila penyiraman dan pembajaan tanaman tidak perlu dibuat, pekerja boleh memberi fokus kepada perkara lain seperti siraman racun kulat, rumpai atau penyakit lain yang boleh merosakkan tanaman.

"Biarpun adanya sistem ini, namun saya tidak menafikan perlunya tenaga pekerja manual untuk tujuan menuai hasil dan beberapa pekerjaan lain.

"Paling penting, aplikasi ini dapat mengurangkan kos pengambilan pekerja,"

ujarnya.

Untuk makluman, pokok bawang bagi 1 ekar (0.4 hektar) bersamaan dengan 100 batas, sementara setiap batas memiliki 1,220 pokok.

Setiap satu pokok akan menghasilkan kira-kira 35 gram iaitu tiga hingga empat biji bawang.

Hilal Azri juga memaklumkan, penggunaan sistem digital boleh meningkatkan risiko berdepan masalah teknikal perisian.

Bersedia dengan segala kemungkinan

itu, dia memberitahu, PKPS mempunyai pasukan teknikal yang boleh membantu mengatasi masalah tersebut.

"Kita mempunyai bahagian teknikal dan khidmat nasihat bagi memastikan tahap fungsi perisian dalam keadaan baik dan tidak mempunyai masalah ketetapan.

"Aplikasi ini juga boleh merekod proses sejarah penyiraman, pembajaan, pembersihan air, kelembapan tanah dan ramalan cuaca," katanya sambil memberitahu, aplikasi tersebut mula diperkenalkan pada tahun lalu.

APLIKASI Smart Ehsan Onion membantu memudahkan proses tanaman bawang oleh PKPS di Selangor Fruit Valley, Batang Berjuntai.

